

**GARIS PANDUAN PERTUKARAN
ANGGOTA LEMBAGA GETAH MALAYSIA
(RUJ: GP UPSM 1/2008)**

1. Sebab-sebab pertukaran adalah:
 - i. untuk memberi pendedahan kepada anggota LGM mengenai pelbagai aktiviti dan sebagai persediaan untuk kemajuan kerjaya anggota LGM.
 - ii. untuk mengelakkan kemungkinan berlakunya salah guna kuasa bagi jawatan tertentu.
 - iii. untuk mengelakkan kesangsian (dari kalangan orang luar) terhadap anggota yang menjalankan operasi.
 - iv. untuk memenuhi keperluan untuk mempertingkatkan keberkesanan operasi LGM dengan tujuan mencapai objektif, visi, misi yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan.
 - v. sebagai syarat perkhidmatan seperti yang diperuntukkan dalam surat tawaran perlantikan.
 - vi. atas sebab kesihatan diri dan keluarga.
2. Anggota yang layak untuk ditukarkan adalah seperti berikut:
 - i. Anggota yang mempunyai hubungan yang rapat (suami/isteri/anak) bertugas di dalam unit yang sama dan mempunyai kaitan dalam "line of reporting".
 - ii. Anggota yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang rapat (suami/isteri/anak) dengan seorang anggota lain yang bertugas di Unit yang sama/unit berlainan di bawah LGM tidak boleh ditempatkan bertugas di Unit Pengurusan Sumber Manusia
3. Tempoh penempatan di sesebuah unit bertugas adalah sekurang-kurangnya:
 - i. 3 tahun – bagi jawatan-jawatan yang sensitif untuk mengelakkan unsur-unsur penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah.
 - ii. 5 tahun – bagi anggota yang menjalankan tugas-tugas operasi khususnya bagi tugas-tugas yang boleh menimbulkan kesangsian.

4. Masa yang diberi untuk persediaan urusan pertukaran:
 - i. Sekurang-kurangnya satu bulan bagi anggota yang ditukarkan ke luar kawasan Kuala Lumpur/Selangor/Negeri Sembilan.
 - ii. Sekurang-kurangnya dua minggu bagi anggota yang ditukarkan di dalam kawasan Kuala Lumpur/Selangor/Negeri Sembilan.
5. Permohonan pertukaran oleh mana-mana anggota LGM yang ditolak oleh Jawatankuasa Mobilisasi **TIDAK DIBENARKAN** untuk mengemukakan permohonan pertukaran dalam tempoh satu (1) tahun daripada keputusan dikeluarkan oleh pihak UPSM.
6. Walau apapun peruntukan yang tersebut di atas, pihak pengurusan boleh memindahkan pegawai dalam tempoh yang lebih singkat atau atas keperluan lain untuk kepentingan LGM.

Unit Pengurusan Sumber Manusia
1 Januari 2008